



Jawatankuasa Bar Kuala Lumpur

KUALA LUMPUR BAR COMMITTEE

KLBC 2021/22

Chairman

Vivekananda Sukumaran

Honorary Secretary

Alvin Oh Seong Yew

Committee members

Nizam Bashir
Collin Arvind Andrew
Alvin Oh Seong Yew
Jacky Loi Yap Loong
Nimalan Devaraja
Terrence Lee Rohui
Lim Yin Faye
Thulasy Suppiah
Rajsurian Pillai
Shugan Raman
S. Saravana Kumar
Yoges M. Verasuntharam

Rep. to the Bar Council

Harleen Kaur (Leena)

Subcommittees

Civil Practice & Court Liaison

Nizam Bashir
Nimalan Devaraja

Corporate & Conveyancing Practice

Lim Yin Faye

Criminal Law Practice

Collin Arvind Andrew

Finance

Vivekananda Sukumaran
Alvin Oh Seong Yew

Gender Equality & Diversity

Thulasy Suppiah

Professional Development

S. Saravana Kumar

Pupils

Rajsurian Pillai

Sports

Jacky Loi Yap Loong
Terrence Lee Rohui

Technology Committee

Nimalan Devaraja
Terrence Lee Rohui
Thulasy Suppiah

Young Lawyers

Shugan Raman

Legal Aid

Yoges M. Verasuntharam

18 Jun 2021

Puan Azalina Bt. Hamdi

Pengarah

Jabatan Operasi Setem & CKHT

Ibu Pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Menara Hasil Aras 15

Persiaran Rimba Permai

Cyber 8, 63000 Cyberjaya

Selangor

Emel: azalina@hasil.gov.my

Puan,

PENANGGUHAN BAYARAN DI BAWAH SEKSYEN 21B AKTA CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH 1976 (CKHT) DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) 3.0

Dengan segala hormatnya kami merujuk kepada perkara di atas serta "FREQUENTLY ASKED QUESTIONS ON TAX MATTERS DURING THE MOVEMENT CONTROL ORDER (MCO) 3.0 (Updated on 15 June 2021" yang dikeluarkan oleh pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN) (selepas ini dirujuk sebagai "FAQ LHDN tersebut").

2. Jawatankuasa Amalan Korporat & Konveyansing di bawah Jawatankuasa Bar Kuala Lumpur menulis surat ini untuk penjelasan/ulasan atas penangguhan berkenaan pembayaran di bawah seksyen 21B Akta CKHT ("selepas ini dirujuk sebagai "**retention sum RPGT**") sepanjang PKP ini.

3. Merujuk kepada Bahagian F, FAQ LHDN tersebut yang dikeluarkan oleh LHDN, lanjutan masa hanya dikatakan untuk diberikan kepada penyerahan borang-borang RPGT sehingga 31 Julai 2021 dan rayuan penalti akan dipertimbangkan mengikut kes.

4. Sehubungan ini, pihak kami telah dimaklumkan oleh seorang ahli peguam yang menghadiri sendiri ke LHDN cawangan Duta pada 18.06.2021 bahawa pegawai LHDN telah mengesahkan bahawa pembayaran retention sum RPGT masih perlu diselesaikan dan tiada penangguhan yang akan diberikan. Alasannya atas sebab kaunter pembayaran LHDN buka dari 8 pagi hingga 12 tengah hari.

5. Ketiadaan penangguhan untuk pembayaran retention sum RPGT ini adalah amat merisaukan dan tidak adil untuk pihak Pemeroleh serta peguam yang dilantik untuk mewakilinya atas alasan-alasan berikut:-

- (a) Hanya LHDN cawangan Duta yang menerima bayaran retention sum RPGT;
- (b) Tiadanya sistem atas talian untuk pembayaran retention sum RPGT;
- (c) Peguam-peguam tidak disenaraikan sebagai perkhidmatan perlu (essential service) dan firma-firma yang tidak dapat kelulusan MITI terpaksa ditutup sepanjang tempoh PKP ini;
- (d) Jarak lokasi firma peguam melangkaui jarak 10km dari LHDN cawangan Duta.

6. Oleh yang demikian, pihak kami berharap untuk pihak LHDNM menimbangkan semula perkara ini. Kami mencadangkan: -

- (a) Penangguhan bayaran di bawah seksyen 21B Akta CKHT dalam tempoh PKP seperti penangguhan penyerahan borang-borang RPGT dalam Bahagian F, FAQ LHDN tersebut;
- (b) Tiada apa-apa jenis penalti untuk dikenakan atas kelewatan pembayaran di bawah seksyen 21B Akta CKHT, selagi ia dibayar menurut penangguhan yang diberikan oleh pihak LHDN tersebut;
- (c) Tiada rayuan yang perlu difailkan selagi pembayaran di bawah seksyen 21B Akta CKHT dibayar menurut penangguhan yang diberikan oleh pihak LHDN tersebut.

Segala kerjasama dan jasa baik yang telah diberikan oleh pihak LHDN kami dahului dengan ucapan ribuan terima kasih. Jika terdapatnya apa-apa jenis pertanyaan, sila menghubungi Puan Lim Yin Faye secara emel (faye@jfplawyers.com).

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



Vivekananda Sukumaran
Pengerusi
Jawatankuasa Bar Kuala Lumpur



Lim Yin Faye
Pengerusi
Jawatankuasa Amalan Korporat & Konveyansing

s.k. Encik Saidul Sahri Bin Alkamal
Pegawai Perhubungan Awam, Jabatan Operasi Cukai

Emel: saidulsahri@hasil.gov.my

Cik Munirah Adibah Mohd Yusoff
Timbalan Perhubungan Awam Cawangan Duta (Penggajian)

Emel: munirahadibah@hasil.gov.my

Cik Siti Nurzafirah Abdul Talib
Pegawai Perhubungan Awam Cawangan Duta (Penggajian)

Emel: sitinurzafirah@hasil.gov.my